



**MAPS MALAYSIA**  
(Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia)  
**Lembaga Arkitek Malaysia**

**Pekeliling MAPS #1-2023**  
**KETETAPAN AKREDITASI DALAM TEMPOH PASCA-PANDEMIK**

## 1.0 TUJUAN

Pekeliling MAPS #1-2023 terbitan Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (atau 'MAPS') ini disediakan bagi tujuan berikut:

- 1.1. Memaklumkan kepada Pemberi Pengajian Tinggi Senibina (PPS) dan Pemberi Pengajian Tinggi Rekabentuk Dalaman (PPD) mengenai ketetapan tambahan berhubung dengan polisi dan proses akreditasi serta kaitannya dengan pelaksanaan program.
- 1.2. Memberitahu mengenai kuat kuasa tempoh pasca-pandemik dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.
- 1.3. Memperkenalkan prinsip asas amalan dalam tempoh transisi sebagai langkah persediaan sebelum proses dan prosedur akreditasi dikembalikan kepada kaedah konvensional yang ditetapkan dalam dokumen *Manual of Accreditation for Architecture Programme* atau ringkasnya 'MAAP' (2013) dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* atau ringkasnya 'PAID' (2019).

## 2.0 LATAR BELAKANG

Sepanjang tempoh pandemik Covid-19 dan sebagai tindakan mitigasi dalam mendepani cabaran kelaziman baharu, pihak MAPS telah menerbitkan beberapa dokumen rasmi iaitu satu (1) Garis Panduan dan lima (5) Nota Khas seperti yang tersenarai di bawah:

No.	Tajuk	Rujukan	Tarikh
1.	Pencegahan Jangkitan Penyakit COVID-19 dan Impaknya Terhadap Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi	Nota Khas MAPS 1-2020	18 Mac 2020
2.	Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk	Nota Khas MAPS 2-2020	26 Mac 2020

	Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sempena Penularan Wabak COVID-19		
3.	Perintah Kawalan Pergerakan (COVID-19) dan Kesanya ke atas Permohonan Akreditasi Bagi Program Pengajian Senibina dan Rekabentuk Dalaman	Nota Khas MAPS 3-2020	3 April 2020
4.	Pengajaran dan Pembelajaran Studio Rekabentuk dalam Tempoh Pasca-PKP Bagi Program Pengajian Senibina dan Rekabentuk Dalaman	Nota Khas MAPS 4-2020	1 Jun 2020
5.	Garis Panduan Pelaksanaan Permohonan dan Proses Akreditasi Sepanjang Tempoh Pandemik Covid-19 Menggunakan Kaedah Dalam Talian dan Hibrid	Garis Panduan MAPS 1-2021	30 Mac 2021
6.	<i>Requirement of Exhibition for Online Accreditation</i>	MAPS Special Notes 1-2021	14 Jun 2021

Dokumen-dokumen di atas, seperti mana kandungan yang terdapat didalamnya, kesemuanya bertujuan memberi arahan, panduan, dan nasihat dalam banyak aspek yang membabitkan prosedur dan proses akreditasi serta pelaksanaan program khususnya yang berkaitan dengan pengendalian studio.

### 3.0 TEMPOH KUAT KUASA

Kesemua dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 2.0 di atas, telah diumumkan berkuatkuasa serta merta bermula dari tarikh ianya diterbitkan oleh MAPS (rujuk tarikh yang dinyatakan dalam Jadual di atas).

Dalam setiap dokumen tersebut, dinyatakan bahawa tempoh kuat kuasa kekal efektif sepanjang tempoh pandemik dan pasca-pandemik ke atas program senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan telah diakreditasi selagi mana tiada pengumuman membatalkannya dikeluarkan oleh MAPS, Lembaga Arkitek Malaysia.

### 4.0 TEMPOH TRANSISI

MAPS mengikuti perkembangan terkini dan pengumuman Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dari masa ke masa. Kelonggaran Tatacara Operasi Standard (SOP) telah diumumkan pada 1 Mei 2022 oleh MKN (rujuk laman web rasmi MKN). Secara ringkasnya SOP yang kini terpakai dan ada kaitan dengan aktiviti pendidikan di PPS/PPD serta pelaksanaan akreditasi adalah seperti berikut:

- i. Wajib memakai pelitup muka ketika berada dalam bangunan.
- ii. Pemakaian pelitup muka menjadi pilihan sendiri semasa berada di luar bangunan, namun digalakkan memakainya ketika berada di tempat sesak.
- iii. Individu berisiko tinggi digalakkan memakai pelitup muka.
- iv. Penjarakan sosial tidak diperlukan; digalakkan mengamalkan penjarakan sosial sekiranya tidak memakai pelitup muka.
- v. Daftar masuk ke dalam bangunan tidak diperlukan.

- vi. Tiada sekatan rentas negeri.

Umum mengetahui bahawa pandemik Covid-19 belum diisytiharkan berakhir. Pada masa yang sama SOP telah dilonggarkan ke satu tahap hampir normal sehinggakan semua orang boleh melakukan kegiatan sosial dan ekonomi harian seperti biasa. MAPS berpendapat perkembangan yang sangat positif ini telah membebaskan aktiviti, ruang, pergerakan, dan suasana pengajaran dan pembelajaran di PPS/PPD dari ancaman penyebaran wabak Covid-19, selagi mana amalan SOP yang dinyatakan di atas terus diamalkan bersama dengan penuh rasa tanggungjawab. Bagi tujuan Pekeliling ini, jangka masa bermula dari 1 Mei 2022 sehingga ke satu tarikh yang akan diumumkan oleh MKN adalah dirujuk sebagai **tempoh transisi**.

## 5.0 KETETAPAN DALAM TEMPOH TRANSISI

Pekeliling ini membentangkan beberapa ketetapan yang akan dilaksanakan dalam tempoh transisi yang dimaksudkan dalam perenggan 4.0:

### 5.1 Kembali kepada Pelaksanaan Asal Akreditasi

Pada sepanjang tempoh transisi ini, urusan dan pelaksanaan polisi dan prosedur akreditasi akan **kembali menggunakan** kesemua peruntukan yang terkandung dalam dokumen *Manual of Accreditation for Architecture Programme* atau ringkasnya 'MAAP' (2013) dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* atau ringkasnya 'PAID' (2019).

### 5.2 Penggantungan Pelaksanaan Nota Khas

Kesemua peruntukan yang dinyatakan dalam Nota Khas MAPS 1 hingga 4 terbitan 2020 dan Nota Khas MAPS 1 terbitan 2021 adalah **digantung sepenuhnya**. Penggantungan ini bermaksud pihak PPS/PPD tidak lagi berkelayakan untuk menjalankan operasi pelaksanaan program menggunakan atau berdasarkan kepada ketetapan dan peruntukan dalam dokumen tersebut. Urusan akreditasi juga tidak perlu lagi dilaksana berdasarkan peruntukan dalam dokumen-dokumen berkenaan (termasuklah Garis Panduan MAPS).

### 5.3 Kelonggaran Pelaksanaan

Namun dalam konteks subperenggan 5.1 dan 5.2, pihak MAPS berkuasa penuh untuk memberi kelonggaran bagi penggunaan semula dan secara terpilih mana-mana ketetapan dan peruntukan yang terdapat dalam MAAP (2013) dan PAID (2019), sekiranya terdapat permohonan atau permintaan khusus daripada pihak PPS/PPD. Pelaksanaan kelonggaran ini akan dipertimbang berdasarkan permohonan PPS/PPD menurut penghujahan dan berasaskan kepada kes masing-masing.

## 6.0 KUAT KUASA PELAKSANAAN

- 6.1 Pekeliling MAPS #1-2023 ini menggariskan beberapa ketetapan berhubung **penggantungan** dokumen-dokumen khas MAPS yang diterbitkan sepanjang tempoh pandemik Covid-19 serta mengumumkan pelaksanaan secara sepenuhnya peruntukan yang sedia ada di dalam dokumen *Manual of Accreditation for Architecture Programme* atau ringkasnya 'MAAP' (2013) dan *Policy and Procedures for Accreditation of*

*Interior Design Programme* atau ringkasnya 'PAID' (2019) dalam tempoh transisi.

- 6.2** Pekeliling MAPS #1-2023 ini berkuat kuasa sepanjang **tempoh transisi** ke atas semua program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman yang telah diluluskan atau/dan diakreditasi oleh Lembaga Arkitek Malaysia bermula pada 15 Mac 2023.

**Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina (MAPS) Malaysia  
LEMBAGA ARKITEK MALAYSIA**

**23 Februari 2023 (Khamis)**